

Headline	ISSA 2023 tingkat keperluan industri kayu gaharu		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	06 Nov 2023	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	82,252
Page No	A23	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	325 cm <sup>2</sup>
Journalist	Nurul Ezzaty Mohd Azhari	AdValue	RM 10,762
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,286



# ISSA 2023 tingkat keperluan industri kayu gaharu

Industri perlukan transformasi bagi meningkatkan nilai komersial, keuntungan usahawan kecil

Oleh Nurul Ezzaty Mohd Azhari  
bhpendidikan@bh.com.my

**Putrajaya:** Gaharu dikenali sebagai kayu paling mahal selain kemampuannya memberi nilai tambah kepada ekonomi negara.

Justeru potensinya perlu dipertingkatkan apatah lagi Malaysia adalah pengeksport gaharu kedua terbesar di dunia.

Susulan itu, Fakulti Perhutanan Dan Alam Sekitar (FPAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru menganjurkan Simposium Saintifik Gaharu kali ketiga (ISSA 2023) bagi mengiktiraf keperluan industri kayu gaharu sebagai nilai tambah ekonomi negara, baru-baru ini.

Naib Canselor UPM, Datuk Prof Dr Ahmad Farhan Mohd Sadullah, berkata transformasi industri kayu gaharu diperlukan supaya ia dapat memainkan fungsi ekonomi yang penting serta mengun-



Dr Ahmad Farhan (tengah) mendengar penerangan berkenaan kegunaan kayu gaharu.

tungkan syarikat komersial dan usahawan kecil.

“Transformasi penanaman dan penggunaan gaharu akan mewujudkan suasana ekonomi yang progresif sekali gus dapat membantu memajukan industri gaharu.

“Gaharu berperanan penting dalam penyembuhan dan perubatan terapeutik selain popular dalam industri minyak wangi,” katanya.

## **Komited bangun industri**

Walau bagaimanapun katanya amalan penuaian yang tidak mampan menimbulkan ancaman kepada masa hadapan pokok gaharu.

Justeru katanya, FPAS komited untuk membangunkan industri dan menggunakan sumber gaharu dengan cara yang mampan.

Sementara itu, pengarah pro-

gram Prof Dr Rozi Mohamed, berkata ISSA 2023 ialah platform perbincangan mengenai kemajuan terkini dan penemuan teknologi yang membantu mengubah penanaman serta penggunaan gaharu.

“Penyertaan pelbagai pihak dan pemain industri gaharu antarabangsa seperti dari Jepun, China, Perancis, Sri Lanka, Brunei dan lain-lain lagi secara tidak langsung meningkatkan lagi keperluan dan perkembangan industri gaharu,” katanya.

Simposium ini turut dianjurkan bersama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Institut Perhutanan Malaysia (FRIM), Persatuan Institusi Penyelidikan Perhutanan Asia Pasifik (APAFRI) dan Lembaga Kayu Malaysia (MTIB).